



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN JAMIN BEKALAN BARANG KEPERLUAN TERUS MENCUKUPI

Hari ini, saya bersama pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sabah telah melaksanakan pemeriksaan di *Point of Sales* (POS) bagi Program Pengedaran Barang Perlu di Pulau Mantanani.

Pemeriksaan ini bertujuan mendapatkan gambaran jelas mengenai pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan BUDI 95, khususnya bagi memastikan bekalan dan harga barangan keperluan utama seperti minyak petrol RON95, minyak diesel, gas petroleum cecair (LPG), gula pasir dan tepung gandum sentiasa terkawal.

HARGA RON95 KEKAL RM1.99 SELITER

Hasil pemantauan hari ini mendapati harga jualan minyak petrol RON95 kekal pada RM1.99 seliter, sama seperti harga di pekan dan bandar di negeri Sabah.

Setakat ini, KPDN tidak menetapkan sebarang kuota pembelian kepada individu di *Point of Sales* (POS) bagi Program Pengedaran Barang Perlu tetapi kuota berkelompok diberikan berdasarkan jumlah populasi penduduk di kawasan tersebut.

Keadaan ini membuktikan keprihatinan Kerajaan MADANI dalam memastikan rakyat di kawasan pedalaman dan pulau-pulau turut menikmati manfaat subsidi bahan api yang disalurkan oleh kerajaan.

OPERASI PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN MENYELURUH

KPDN Sabah kini mempunyai 205 orang Pegawai Penguat Kuasa dan 72 orang Pegawai Pemantau Harga yang sentiasa melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala di seluruh negeri.

Program Pengedaran Barang Perlu di Sabah meliputi:

- i. 78 Zon Pengedaran
- ii. 228 Kawasan Pengedaran
- iii. 607 *Point of Sales* (POS)

Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan keberadaan bekalan serta pematuhan terhadap harga yang telah ditetapkan kerajaan.

Selain itu, sesi libat urus dan advokasi turut dijalankan bersama 59 syarikat pengangkut (*transporter*) yang dilantik bagi memastikan kelancaran penghantaran bekalan ke kawasan pedalaman dan pulau.

JAMINAN KERAJAAN MADANI

KPDN memberikan jaminan bahawa bekalan barang keperluan di setiap POS sentiasa mencukupi, dan tiada sebarang kenaikan harga akan dibenarkan berlaku tanpa kelulusan kerajaan.

Kerajaan MADANI berpegang teguh kepada prinsip bahawa subsidi mesti dinikmati secara adil oleh semua rakyat, tanpa mengira lokasi mereka, sama ada di bandar, luar bandar, mahupun di pulau-pulau.

KPDN akan terus melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan harga kekal stabil dan bekalan sentiasa mencukupi, sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam membela kesejahteraan rakyat.

SERUAN KEPADA ORANG AWAM

KPDN menyeru orang ramai supaya terus memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu ini.

Dalam masa yang sama, masyarakat digesa menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat sekiranya terdapat penyelewengan harga atau gangguan bekalan melalui saluran rasmi aduan KPDN seperti berikut:

- i. Aplikasi Whatsapp: 019 8488000
- ii. Portal e-Aduan KPDN : <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Talian Aduan KPDN: 1-800-886-800;
- iv. Aplikasi Ez ADU KPDN (Android / iOS); dan
- v. QR Aduan Suri



YB SENATOR DATUK DR. HAJAH FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Pulau Mantanani, Kota Belud
6 Oktober 2025

